

Matlamat DEB: Kita perlu hati2 —Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad.— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini, sasaran pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru yang tinggi mungkin tidak akan terlaksana.

Katanya kepada wartawan selepas mempengerusikan sidang pleno Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga di Universiti Teknologi Malaysia di sini, Kerajaan memang tidak bimbang berapa tinggikah kadar pencapaian yang dikehendaki oleh rakyat.

Bagaimanapun, tambah Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan terpaksa berhati-hati dan realistik dalam menentukan teraksananya kadar yang ditetapkan itu.

"Kita mesti menyedari sejauh manakah yang mampu kita capai menerusi keupayaan yang ada,"katanya.

Bellau menegaskan demikian ketika diminta mengulas usul Kongres itu supaya penyertaan Bumiputera di sektor perusahaan dan perdagangan ditingkatkan dari 30 kepada 51 peratus.

Peningkatan tahap itu dicadangkan kerana kadar 30 peratus sekarang disifatkan sebagai menimbulkan sekatan psikologi terhadap Bumiputera.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam melaksanakan usaha-usaha mencapai kadar yang ditentukan.

"Kita bimbang sesuatu sasaran yang tinggi tidak akan tercapai sepenuhnya pada jangka masa yang ditetapkan,"tambah beliau.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri menegaskan, segala usul yang diluluskan oleh Kongres akan dikaji secara terperinci sebelum ditentukan sama ada ia akan dirangkumkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat atau program pembangunan lainnya.

Mengenai kemungkinan Kerajaan menubuhkan beberapa agensi baru untuk mempercepatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, perkara itu juga perlu pertimbangkan menyeluruh.

"Penubuhan sesuatu agensi tidak cukup untuk menyelesaikan masalah yang tertentu. Sebaliknya, penyelesaian dan penubuhan agensi bergantung juga kepada tenaga dan mereka yang akan menganggotainya,"katanya lagi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia